



Lembaga Minyak Sawit Malaysia  
MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

Bil. Tuan / Your Ref.:

Bil. Kami / Our Ref.:

( 3 ) 04 / C / P / 656 / 2 / 2006 / Jil 2

HARI BERTEMU PELANGGAN  
SETIAP JUMAAT MINGGU KE-3 SETIAP BULAN

Tempat: Tingkat 4, Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan

Wisma Sawit, MPOB Kelana Jaya

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh. &

3.00 ptg. - 4.00 ptg.

23 Jun 2006

Semua pelesen kategori makmal

Pk(EQ)MPOB 02/2006

Tuan,

**PEKELILING PENGUATKUASAAN MPOB PENGHANTARAN MAKLUMAT PENYATA  
BULANAN MPOB (EL) LB4 ( QC/CL/1) SECARA ELEKTRONIK**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Pihak Pengurusan MPOB telah membangunkan sistem e-QC yang membolehkan pihak tuan membuat kemasukan/kemaskini maklumat Penyata Bulanan secara *on-line* melalui browser. Sistem e-QC bagi MPOB (EL) LB4 untuk kategori makmal bebas ini akan mula digunapakai sepenuhnya secara rasmi mulai 01 Julai 2006 bagi kemasukan maklumat pengujian bulan Jun 2006.

3. Sehubungan itu, pihak tuan dikehendaki menghantar maklumat-maklumat yang diperlukan secara *on-line* dialamat internet seperti dibawah:

<http://www.eqcmpob.com.my>

4. Dengan cara penghantaran maklumat secara elektronik dapat memudahkan kerja-kerja penghantaran maklumat kepada Lembaga mengikut masa seperti yang diperuntukan di dalam syarat yang dikenakan di bawah Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005.

Berikut kami lampirkan:

Arahan Tetap Pk(EQ) MPOB 02/06 dengan tarikh kuatkuasa 01 Julai 2006

Sekian untuk perhatian tuan.

Terima kasih.

Yang benar,

**DR. MOHD. BASRI WAHID**  
**KETUA PENGARAH**  
**MPOB**

Jabatan Pendaftaran dan Pelesenan  
Wisma Sawit



**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN MPOB**

Rujukan Pekeliling Penguatkuasaan : Pk(EQ)MPOB 02 /06  
Tarikh Kuatkuasa : 1 Julai 2006  
Perkara : Penghantaran Penyata Bulanan  
MPOB (EL) LB4 ( QC/CL/1) Secara  
Elektronik

## **1. TUJUAN**

Memaklumkan pelaksanaan Penghantaran Penyata Bulanan MPOB (EL) LB4 ( QC/CL/1) bagi kategori makmal bebas secara elektronik dan tempoh masa penghantaran hendaklah sebelum atau pada 7hb. pada bulan berikutnya.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Penghantaran Penyata Bulanan adalah tertakluk di bawah Per. 21(1) Jadual Keenam perkara 4 Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005.
- 2.2 "Trial Run " sistem Penghantaran Penyata Bulanan secara elektronik telah dimulakan pada Januari 2006 melalui Pekeliling PP 01/2006 bertarikh 03 Januari 2006.
- 2.3 Proses penambahbaikan sistem telah dilakukan berdasarkan maklumbalas daripada pelesen sepanjang tempoh *trial run*. Sehubungan itu, mulai **01 Julai 2006** sistem ini tidak lagi didalam fasa *trial run* sebaliknya diterimapakai sepenuhnya secara rasmi.

## **3. CARA PELAPORAN MAKLUMAT PENYATA BULANAN**

Sistem penghantaran Penyata Bulanan ini boleh dilakukan secara online boleh dicapai melalui alamat internet <http://www.eqcmpob.com.my>



**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN MPOB**

**4. PEMAKAIAN**

Pekeliling Penguatkuasaan ini adalah terpakai kepada semua pelesen MPOB untuk kategori makmal.

**5. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling Penguatkuasaan MPOB ini mula berkuatkuasa pada 01Julai 2006.

**6. PENGESAHAN DAN KELULUSAN**

Surat pekeling ini diluluskan oleh Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

**(DR. MOHD. BASRI WAHID)  
KETUA PENGARAH  
MPOB**

Tarikh

23/6/06